

# Gara-gara sotong mahal, perairan diceroboh

Sinar Harian 25/3/2018 M/S 25

**BUKIT KUANG** - Sotong berkualiti tinggi di perairan negeri Terengganu yang boleh mencecah harga RM200 sekilogram di pasaran luar negara menyebabkan nelayan asing terutama dari Vietnam sanggup mengambil risiko untuk menceroboh perairan negara bagi mengutip hasil laut tersebut secara haram.

Timbalan Pengarah Maritim Wilayah Timur (Operasi), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Kapten Maritim V Pannir Selvan Veloo berkata, faktor geografi perairan negara yang sesuai menjadi tempat pembiakan sotong menyebabkan ianya menjadi tumpuan nelayan dari dalam dan luar negara.

Katanya, pada tahun lalu sebanyak 20 buah bot nelayan asing telah ditahan Maritim Malaysia di perairan negeri ini sepanjang musim pembiakan sotong iaitu pada Januari sehingga Mac.

"Jadi kami jangkakan semasa laut dah tenang ni, musim sotong dah bermula ini banyak lagi lah bot-bot nelayan asing dari Vietnam ni akan datang ke Malaysia.

"Walaupun pihak Kesatuan



Pannir memeriksa sotong kering bersaiz besar yang dirampas daripada sebuah bot nelayan Vietnam yang ditahan dan dibawa ke jeti Pangkalan Maritim Kemaman di Bukit Kuang, petang kelmarin.

**Jadi kami jangkakan semasa laut dah tenang ni, musim sotong dah bermula ni banyak lagi lah bot nelayan asing dari Vietnam datang ke Malaysia."**

- V Pannir

tuan Eropah (EU) telah mengeluarkan kad amaran ataupun kad kuning kepada Vietnam supaya mematuhi peraturan-peraturan untuk menangkap ikan di laut ni tetapi kehadiran bot nelayan Vietnam di perairan Malaysia

ni menunjukkan mungkin penguatkuasaan terhadap amaran ini tidak begitu berkesan. Kalau berkesan, mereka dia tidak akan datang.

"Sebab itu kita akan tingkatkan lagi penguatkuasaan, kita lipat gandakan lagi ron-

daan untuk memastikan mereka ini tidak hadir di perairan Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media di Pangkalan Maritim Kemaman, berhubung tangkapan sebuah bot nelayan asing dari Vietnam kerana menangkap sotong secara haram pada kedudukan 62 batu nautika dari Kuala Kemaman, petang kelmarin.

Kes itu merupakan tangkapan yang ke-16 dalam tempoh Januari hingga Mac tahun ini.